

10/07/1997

PM jadi tetamu kehormat

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di Eropah kerana bercuti selama dua bulan menjadi tetamu kehormat pada perarakan Hari Kebangsaan Perancis di Paris Isnin ini.

Menurut Wisma Putra hari ini, status kehormat itu adalah penghormatan kerajaan Perancis kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir akan ke Paris Ahad ini dan mengadakan pertemuan dengan Presiden Jacques Chirac di Elysees Presidential Palace. Beliau juga akan berbincang dengan Perdana Menteri Perancis Lionel Jospin.

Perancis menyambut hari kebangsaan pada 14 Julai.

Kali terakhir Dr Mahathir bertemu Chirac ialah pada November tahun lalu selepas Malaysia melancarkan satelit Measat 2 di French Guiana. - Bernama

(END)